

KELEBIHAN-KELEBIHAN SULH

1. Menjimatkan kos dan masa pihak-pihak dan Mahkamah.
2. Perundingan adalah bersifat terpimpin bukannya dominasi sebelah pihak.
3. Perundingan melihat kepentingan masa akan datang, bukannya mengungkit dan menyalahkan pihak lain.
4. Penyelesaian secara terbuka dan sukarela (keredhaan), bukannya melepas dendam.
5. Mempercepatkan penyelesaian kes.

PERBEZAAN ANTARA SULH, PERUNDINGAN (BIASA), HAKAM, PERBICARAAN DAN KAUNSELING

KAUNSELING	PERBICARAAN	HAKAM	PERUNDINGAN	SULH
Tiada kerahsiaan (laporan kaunseling dihantar ke mahkamah)	Tiada kerahsiaan (dilakukan dalam dewan bicara).	Tiada kerahsiaan	Tiada kerahsiaan	Bersifat kerahsiaan (antara pihak-pihak dan Pegawai Sulh sahaja)
Tiada keputusan dicapai kerana ini cuma proses mendamaikan pihak-pihak daripada bercerai	Keputusan dibuat sepenuhnya oleh Hakim bicara	Keputusan dibuat sepenuhnya oleh Hakim	Sukar mencapai kata putus	Keputusan dibuat oleh kedua-dua belah pihak dengan bantuan Pegawai Sulh
Tiada perbincangan mengenai perkara-perkara yang dipertikai.	Hakim bicara akan membuat keputusan berdasarkan keterangan dan beban pembuktian pihak-pihak dalam dewan bicara	Hakam akan membuat keputusan bagi pihak-pihak setelah prosiding Hakim selesai	Tiada pihak yang memandu pihak-pihak untuk mencapai persepaktan	Pegawai Sulh bertindak selaku pengerusi majlis dan memandu pihak-pihak mencapai persepaktan
Kaunselor hanya membantu mendamaikan pihak-pihak untuk berbaik semula.				



SULH

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH,
 PERSIARAN MASJID, SEKSYEN 5,
 40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
 NO.TEL : 03-5519 1291, 03-5519 1294, 03-5519 1304, 03-5511 3708
 NO.FAKS : 03-5510 1075 (PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE), 03-5512 6068
 (BILIK KP), 03-5510 5620 (PENTADBIRAN), 03-5510 5620 (PENTADBIRAN),
 03-5510 5816 (PERUNDANGAN)

www.jakess.gov.my



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR
 (JAKESS)
 'Syariah Asas Keadilan'

PENGENALAN SULH

Merupakan majlis perbincangan bersama antara pihak-pihak yang terlibat dalam suatu pertikaian, melibatkan satu atau lebih tuntutan di Mahkamah Syariah Selangor dengan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh. Seandainya suatu persetujuan secara damai dapat dicapai secara sukarela antara kedua belah pihak, ia akan direkodkan oleh Hakim sebagai satu perintah Mahkamah tanpa melalui proses perbicaraan.

ASAS PELAKSANAAN

Firman Allah S.W.T yang bermaksud :-

"Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah antara keduanya." (Surah al-Hujurat :9)

Firman Allah S.W.T yang bermaksud :-

"dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suam isteri) membuat perdamaian antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai)

(Surah an-Nisa': 128)

Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:-

"Perdamaian (sulh itu diharuskan antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram." (Hadis Riwayat at-Timizi dan beliau menilainya Sahih – Kitab Subul as-Salam)

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN SUMBER RUJUKAN

1. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. (EUUKIS 2003)
2. Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003
3. Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Negeri Selangor) 2001.

4. Arahan / Pekeliling YAA Ketua Hakim Syarie Selangor.
5. Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
6. Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri Seluruh Malaysia.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN SUMBER RUJUKAN

Antara tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah Sulh :-

1. Mahkamah Tinggi Syariah
 - Tuntutan Harta Sepencarian – subseksyen 23 (10)(b) & subseksyen 122 EUUKIS 2003
 - Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadhanah) - subseksyen 82 EUUKIS 2003
2. Mahkamah Rendah Syariah
 - Tuntutan Mut'ah – subseksyen 58 EUUKIS 2003*
 - Tuntutan Nafkah Iddah – subseksyen 66 (1) EUUKIS 2003*
 - Tuntutan Tunggakan Nafkah – subseksyen 70 (1) EUUKIS 2003*
 - Tuntutan Nafkah Anak – Subseksyen 74 (1) EUUKIS 2003*

Lain-lain tuntutan yang berbangkit daripada perceraian (seperti perkara yang bertanda * dan perkara lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH BERJAYA

1. Kedua-dua pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tuntutan di luar Mahkamah.
2. Kedua-dua pihak setia memberi dan menerima serta bersedia berunding secara ikhlas dan terbuka bukannya secara emosi / membalas dendam.
3. Kedua-dua pihak sedar implikasi jika kes diteruskan dengan perbicaraan.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH GAGAL

1. Salah satu pihak atau kedua-dua pihak berbincang secara emosi atau atas faktor ingin membalas dendam.
2. Salah satu pihak atau keduanya tidak ada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan.

3. Salah satu pihak atau keduanya tiada komitmen sebenar untuk menyelesaikan pertikaian.
4. Salah satu pihak atau keduanya tiada persediaan sewajarnya.
5. Salah satu pihak atau keduanya sukar untuk membuat sebarang keputusan.
6. Tiada tolak ansur antara pihak-pihak.

CARTA ALIRAN SULH

